

07 OCT 1998

Kestabilan-Ekonomi

KESTABILAN TUKARAN ASING UNTUK KEMBANGKAN EKONOMI

KUALA LUMPUR, 7 Okt (Bernama) -- Tindakan yang diambil Malaysia untuk menstabilkan kadar tukaran asing kini mendapat perhatian dunia dan terdapat perubahan pendapat di kalangan masyarakat antarabangsa, kata Penolong Gabenor Bank Negara Dr Awang Adek Hussin.

Kini pemimpin dunia, institusi kewangan antarabangsa, ahli-ahli ekonomi dan juga ahli-ahli akademik antarabangsa mengakui bahawa tindakan Malaysia untuk menstabilkan kadar tukaran asing ada baiknya meskipun untuk jangka pendek, katanya dalam rancangan "Wawancara Khas" yang disiarkan oleh Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) malam ini.

"Memang sudah nampak perubahan yang ketara daripada segi pandangan dunia," katanya.

Misalnya, pada tahun lalu apabila Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melahirkan pendapatnya di Hong Kong semasa menghadiri mesyuarat Tabung Matawang Antarabangsa dan Bank Dunia, mengenai spekulasi matawang yang menjejaskan sesebuah ekonomi, kini pendapatnya meninggikan kesan kepada masyarakat antarabangsa, lebih-lebih lagi berhubung pasaran kewangan.

Perdana Menteri berpendapat bahawa peraturan perlu diwujudkan untuk mengawal manipulasi pasaran kewangan, katanya sambil menambah masyarakat dunia mula berubah pandangan tentang perkara itu dan ternyata tindakan Malaysia untuk menstabilkan kadar tukaran asing tidak salah.

Menstabilkan tukaran asing, kata Dr Awang Adek, membolehkan kerajaan Malaysia melaksanakan dasar-dasar selanjutnya untuk memulih serta seterusnya mengembangkan ekonomi negara ini.

Berapa lamakah dasar ini (menstabilkan tukaran asing) perlu dilaksanakan bergantung pada keadaan ekonomi yang kembali pulih, katanya.

"Selagi masalah kestabilan tidak diwujudkan, selagi itulah masalah ekonomi negara tidak dapat diatasi.... kita telah dapat menstabilkan tukaran asing," katanya.

Kini sudahpun ada petanda ekonomi negara ini bertambah baik, katanya seperti yang dilihat pada kadar faedah yang semakin menurun dan tahap inflasi yang terkawal.

Kerajaan akan meneruskan dasar memulihkan ekonomi dengan adanya kestabilan tukaran asing.

Menyentuh tentang kawalan tukaran matawang pula, Dr Awang Adek berkata pengembara yang datang atau keluar Malaysia, perlukan mengisytiharkan jumlah wang yang dibawa masuk atau pun keluar mengikut notis kawalan pertukaran matawang atau ECM (Exchange Control Malaysia) dengan mengisi borang yang disediakan.

Setiap individu, tidak kira bilangan orang dalam sesebuah keluarga, dibenarkan membawa keluar matawang Malaysia RM1,000 dan pelbagai matawang asing yang jumlahnya sebanyak RM10,000 dan selebih jumlah berkenaan perlulah mendapat kelulusan Bank Negara.

Katanya pihak kastam dan imigresen mengikut peruntukan tertentu, diberi kuasa untuk merampas wang dibawa keluar jika seseorang itu gagal mengisytiharkan wang tersebut.

Mereka yang perlu membawa keluar matawang untuk tujuan tertentu seperti membiayai anak-anak yang melanjutkan pelajaran di luar negeri, pengembaraan, seminar ataupun pelaburan ke luar negara, perlu mendapatkan kelulusan bertulis dari Bank Negara, katanya.

Mereka boleh mengemukakan permohonan secara bertulis terus kepada Bank

Negara atau menerusi bank-bank di negara ini dengan melampirkan bukti-bukti tujuan matawang yang hendak digunakan itu dan bank pusat itu akan meluluskan permohonan berkenaan dalam tempoh sehari.

-- BERNAMA

MA OS